

WUJUDNYA SYARIKAT² MILIK MARA SEBAGAI PEMBUKA JALAN — MAHATHIR

Lagi laporan dan gambar2 di muka 17

Usahawan

UM 13 APR 1987

bumiputera tak harus kecewa

Renungan

DAN Allah tidak akan
lalai terhadap apa kamu
kerjakan. — Maksud
Al-Quran / Al-Baqarah
140.

Oleh
Mahani Othman

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Bumiputera tak harus kecewa

13 APR 1987

KUALA LUMPUR 12 April — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, usahawan bumiputera tidak harus kecewa dengan wujudnya syarikat - syarikat milik MARA yang pada masa sekarang kelihatan seperti menimbulkan persaingan.

"Usahawan - usahawan yang ada tidak harus kecewa kerana syarikat - syarikat itu ditubuhkan sebagai pembuka jalan kepada mereka," tambah Perdana Menteri lagi. Menurutnya, syarikat - syarikat berkenaan adalah penunjuk jalan supaya usahawan bumiputera yang lain boleh menceburkan diri dalam pelbagai lapangan yang sebelum ini tertutup kepada mereka. Berucap merasmikan bangunan MARA di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata, kejayaan yang telah dicapai oleh syarikat - syarikat tersebut tidak harus dipertikaikan kerana kejayaan mereka meneroka lapangan yang tidak pernah diterokai selama ini. Kepada usahawan - usahawan bumiputera beliau mengingatkan mereka bahawa peluang dan bantuan kerajaan semata - mata tidak boleh menjamin mereka akan beroleh kejayaan jika tidak disertai dengan kecekapan dalam soal pengurusan.

LIHAT MUKA 6

"Kerajaan bersedia untuk memberikan peluang dan bantuan kepada mereka yang menceburkan diri dalam lapangan perniagaan," katanya. Bagaimanapun, ujarnya, mereka mestilah juga cekap dalam soal pengurusan untuk memperolehi kejayaan kerana peluang dan bantuan kerajaan tidak boleh menjamin bahawa mereka akan berjaya. Katanya, kerana inginkan ahli-ahli perniagaan bumiputera ini cekap dalam soal pengurusan, kerajaan telah menubuhkan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang khusus dalam soal-soal pengurusan. Tegasnya: "Walaupun kerajaan memberikan peruntukan yang banyak kepada MARA dalam Rancangan Malaysia Kelima tetapi peruntukan tanpa kecekapan pengurusan tidak akan menjamin bahawa mereka boleh berjaya." Perdana Menteri

menegaskan peluang dan bantuan boleh diadakan oleh kerajaan tetapi usahawan - usahawan bumiputera ini haruslah cekap menjalankan perniagaan. Datuk Sri Dr. Mahathir juga melahirkan rasa gembiranya kerana MARA telah mencapai kejayaan dalam pelbagai lapangan kerana telah dijalankan dengan sempurna. Tambahnya, kejayaan yang dicapai oleh MARA bukan sahaja dalam soal ekonomi tetapi merangkumi juga pelbagai lapangan lain termasuk mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan golongan profesional bumiputera dan memberikan pinjaman untuk membolehkan kaum bumiputera mendapat tempat dalam bidang perdagangan. Beliau juga mengingatkan orang - orang Melayu bahawa mereka harus bersyukur kerana MARA telah berjaya mengubah

corak kehidupan mereka yang dialami semasa pemerintahan British dulu, berikutan dengan adanya UMNO yang menerajui pemerintahan negara. "Walaupun ada orang yang kecewa tetapi kita patut bersyukur negara telah mencapai kejayaan cemerlang," tegas Perdana Menteri lagi. Dulu, ujarnya, orang - orang Melayu tidak ada tempat tinggal dan tempat untuk berniaga tetapi sekarang keadaan telah jauh berubah. "Ini semua adalah hasil dari apa yang diperjuangkan oleh UMNO dan oleh itu orang Melayu tidak harus lupa bahawa kejayaan MARA bergantung kepada UMNO," tambahnya. Tanpa UMNO, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, pembangunan MARA tidak akan tercapai kerana hanya UMNO sahaja yang boleh bekerjasama dan berunding dengan parti - parti komponen yang lain.